

**D.R. 22/2011**

**RANG UNDANG-UNDANG**

*b e r n a m a*

Suatu Akta untuk meminda Akta Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia 1971.

[ ]

**DIPERBUAT** oleh Parlimen Malaysia seperti yang berikut:

**Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa**

**1.** (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (Pindaan) 2011.

(2) Akta ini mula berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta*.

**Pindaan seksyen 4**

**2.** Akta Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia 1971 [*Akta 49*], yang disebut “Akta ibu” dalam Akta ini, dipinda dalam seksyen 4 dengan memasukkan selepas subseksyen (2) subseksyen yang berikut:

“(2A) Walau apa pun perenggan (2)(a), lesen bagi pengimport dan pengeksport ikan hendaklah dikeluarkan oleh Ketua Pengarah Kuarantin dan Pemeriksaan dan mengikut Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 [*Akta 49*].”.

**Seksyen baru 11A**

3. Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 11 seksyen yang berikut:

**“Penguatkuasaan di pintu masuk, stesen kuarantin dan premis kuarantin**

**11A.** (1) Walau apa pun seksyen 11, penguatkuasaan berhubung dengan ikan di pintu masuk, stesen kuarantin dan premis kuarantin hendaklah dijalankan oleh pegawai penguat kuasa yang dilantik di bawah Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 mengikut kuasa di bawah Akta itu.

(2) Bagi maksud subseksyen (1), “pintu masuk”, “stesen kuarantin” dan “premis kuarantin” mempunyai erti yang sama yang diberikan kepada ungkapan itu dalam Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011.”.

**Kecualian**

4. Apa-apa perkara yang berhubungan dengan permohonan bagi dan pengeluaran lesen untuk pengimport atau pengeksport yang belum selesai sebelum tarikh permulaan kuat kuasa Akta ini tidaklah terjejas oleh Akta ini dan hendaklah diteruskan seolah-olah Akta ini tidak diperbuat.

---

**HURAIAN**

Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk meminda Akta Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia 1971 (“Akta 49”).

2. *Fasal 1* mengandungi tajuk ringkas dan peruntukan tentang permulaan kuat kuasa Akta yang dicadangkan.
3. *Fasal 2* bertujuan untuk memasukkan subseksyen baru (2A) kepada seksyen 4 Akta 49 untuk memperuntukkan bahawa lesen bagi pengimport dan pengeksport ikan hendaklah dikeluarkan oleh Ketua Pengarah Kuarantin dan Pemeriksaan.

4. *Fasal 3* bertujuan untuk memasukkan seksyen baru 11A ke dalam Akta 49 untuk membolehkan pegawai penguat kuasa yang dilantik di bawah Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 [Akta ] untuk menjalankan penguatkuasaan berhubung dengan ikan di pintu masuk, stesen kuarantin dan premis kuarantin.
5. *Fasal 4* bertujuan untuk mengadakan peruntukan kecualian.

*IMPLIKASI KEWANGAN*

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan.

[PN(U<sup>2</sup>)2788]